

3.3.2	Menulis	Membina ayat tunggal dan majmuk untuk menjawab soalan pemahaman dengan betul.
-------	---------	---

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya

Selamat sejahtera saya ucapkan kepada yang dihormati Tuan Pengerusi Majlis, barisan hakim yang bijaksana guru-guru dan hadirin sekalian. Tajuk syarahan saya pada hari ini ialah Kepentingan Menabung.

Hadirin sekalian,

Amalan menabung perlu diamalkan sejak kecil lagi, bak kata pepatah “Melentur buluh biarlah dari rebungnya. Kanak-kanak yang masih kecil mudah untuk dididik supaya mengamalkan budaya menabung demi menjamin masa hadapan mereka.

Hadirin, hadirat sekalian.

Amalan menabung di kalangan ibu bapa juga amat penting untuk bekalan masa hadapan. Wang tabungan ini bukan sahaja boleh digunakan sewaktu mengalami kesusahan malah digunakan untuk menampung perbelanjaan apabila anak-anak hendak melanjutkan pelajaran ke universiti.

Selain itu, ekonomi sesebuah keluarga, masyarakat dan negara akan menjadi kukuh sekiranya amalan menabung ini diamalkan dalam kehidupan seharian. Kita tidak akan mengharapkan bantuan pihak-pihak tertentu sewaktu menghadapi sebarang masalah yang berkaitan dengan kewangan.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri syarahan saya pada hari ini, saya menyarankan agar amalan menabung ini disemai sejak kecil lagi. Amalan menabung ini akan menjadi penyelamat sewaktu kita mengalami kesusahan kelak. Sekian terima kasih

1. Bilakah amalan menabung sesuai dimulakan?
2. Kenapa kanak-kanak sesuai untuk dilatih menabung?
3. Berikan dua faedah menabung.
4. Apakah kesannya kepada ekonomi kita, jika amalan menabung ini disemaikan sejak kecil lagi?
5. Apakah saranan penyampai syarahan ini?
6. Apakah amalan yang akan menjadi peyelamat sewaktu kita mengalami kesusahan kelak?